

Cuaca panas melampau berpanjangan beri kesan ke atas bekalan air di Malaysia

Paras air enam empangan susut

Oleh TURMADZI MADUN

PUTRAJAYA – Musim panas melampau yang berpanjangan akibat fenomena El Nino mula memberi impak apabila enam empangan air di seluruh negara dilaporkan berada pada paras kritikal.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Dr. Maximus Ongkili berkata, enam empangan tersebut ialah Empangan Timah Tasoh di Perlis; Lebam dan Layang di Johor; Milau dan Babagon di Sabah serta Empangan Gemencheh di



MAXIMUS

Negeri Sembilan.

Beliau berkata, empat empangan yang betul-betul kritikal ialah Empangan Timah Tasoh (20.14 peratus), Empangan Gemencheh (21.18 peratus) serta Empangan Lebam dan Empangan Layang masing-masing 25.59 peratus dan 24.18 peratus.

Dua empangan lagi yang turut berada di bawah pemantauan ialah Milau dan Babagon di Sabah yang masing-masing mencatatkan paras air sebanyak 33.9 peratus.

“Keenam-enam empangan tersebut kini dalam pemerhatian dengan peratusan simpanan air mentah mencatatkan paras air kritikal iaitu di antara 20.14 peratus hingga 33.9 peratus setakat akhir Mac lalu.

“Dua empangan di Johor dikategorikan antara paling kritikal.



CUACA panas ekoran fenomena El Nino menyebabkan paras air di empangan Gemencheh kini di paras kritikal.

“Dua empangan di Johor dikategorikan antara paling kritikal. Ia memang selalu bermasalah kerana kawasan tadahannya yang kecil

MAXIMUS ONGKILI

Ia memang selalu bermasalah kerana kawasan tadahannya yang kecil, tetapi kerajaan negeri dan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) sentiasa memantau dan buat masa ini bekalan air masih mencukupi, tambahan pula kerajaan negeri baru sahaja memasang paip baharu.

“Di Gemencheh pula, masalah yang sering dihadapi adalah ja-

INFO

Paras Air Surut Kritikal Di Enam Empangan

Perlis

Empangan Timah Tasoh
- 20.14 peratus

Johor

Empangan Lebam
- 25.59 peratus
Empangan Layang
- 24.18 peratus


Sabah

Empangan Milau
- 33.9 peratus
Empangan Babagon
- 33.9 peratus

Negeri Sembilan

Empangan Gemencheh
- 21.18 peratus

rang berlaku hujan di kawasan tadahan, kadangkala hujan hanya turun dua kali setahun,” katanya pada sidang akhbar selepas



KEADAAN Empangan Timah Tasoh kering berikutan cuaca panas melampau sejak beberapa bulan.

merasmikan Sidang Kemuncak Tenaga Lestari Antarabangsa 2016 yang ketiga di sini semalam.

Beliau berkata, sehubungan itu, dua kementerian sedang memantau enam empangan di empat buah negeri di bawah seliaan SPAN.

Menurut Maximus, kementerian bersama dengan Kementerian Sumber Asli telah menubuhkan jawatankuasa khas untuk memantau paras air dan jumlah air diproses untuk kegunaan rakyat.

Bagaimanapun, tambahnya, ia masih belum memaksa SPAN melaksanakan catuan air di mana-mana kawasan di negara ini.

Sehubungan itu, beliau menegaskan, segala keputusan bagi melaksanakan catuan perlu mendapat pandangan daripada jawatankuasa tersebut selain keputusan daripada kerajaan negeri.

“Tidak semestinya jika paras

air empangan rendah, air perlu dicatu. Ia sebenarnya tertakluk kepada jumlah air simpanan yang boleh diproses dan keputusan hendaklah dibuat oleh operator yang menjaga air di setiap negeri,” ujarnya.

Beliau memberitahu, lebih 70 empangan air dan hidro adalah di bawah penyeliaan kementerian bersama Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar namun ia tidak termasuk empangan pertanian.

Dalam perkembangan lain, beliau memberitahu, projek Loji Rawatan Air Langat 2 (Langat 2) kini telah berada pada tahap 60 peratus pembinaan dan ia dijangka siap sepenuhnya pada 2019.

“Meskipun berlaku kelewatan dalam pembinaan Langat 2 tetapi kontraktor yang dipertanggungjawabkan telah melakukan yang terbaik untuk projek itu,” katanya.